

27 OCT 2000

Belanjawan-Gamat

WANG IHSAN UNTUK TERENGGANU GAMATKAN DEWAN

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Pembentangan Belanjawan 2001 oleh Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin petang ini menjadi gamat kira-kira 10 minit apabila anggota pembangkang dari Pas berteriak melontarkan tuduhan "bohong" dan laungan "royalti" terhadap kerajaan sebaik sahaja perkataan Wang Ihsan disebut.

Walaupun Tun Daim menyebutkan bahawa Kerajaan Persekutuan bersetuju meneruskan pemberian Wang Ihsan kepada Kerajaan Negeri Terengganu tetapi anggota-anggota pembangkang diketuai Mahfuz Omar (Pas-Pokok Sena) dan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu) terus berteriak.

Ini mengakibatkan Dewan menjadi gamat dan ucapan Tun Daim terganggu beberapa kali kerana setiap kali perkataan Wang Ihsan beliau sebut, iaitu sebanyak lima kali semuanya, setiap kali itulah barisan pembangkang akan berteriak "bohong, bohong, bohong".

Anggota pembangkang ternyata mahu perkataan Wang Ihsan itu digantikan dengan perkataan royalti, iaitu royalti minyak yang Pas dakwa seharusnya diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Terengganu sebagaimana pembayaran dibuat kepadanya semasa di bawah Barisan Nasional (BN) dahulu.

Dewan bertambah kecoh apabila barisan penyokong kerajaan tidak berdiam diri sebaliknya turut melaungkan kemarahan mereka terhadap pembangkang kerana mengganggu ucapan belanjawan itu dan menepuk-nepuk meja menandakan sokongan kepada Menteri Kewangan itu.

Sepanjang kekecohan itu, yang bermula kira-kira 40 minit selepas Tun Daim memulakan pembentangan Belanjawan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak menunjukkan sebarang reaksi kecuali selamba dan sesekali tersenyum.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang duduk bersebelahan mereka juga hanya tersenyum memandang ke arah tempat duduk pembangkang.

Tun Daim berkata Wang Ihsan juga digunakan untuk membantu warga tua, ibu tunggal, orang kurang upaya dan anak-anak yatim selain pembangunan usahawan seperti Program Tekun-Terengganu dan Prosper-Terengganu.

Selain itu, katanya, Wang Ihsan juga akan digunakan untuk memastikan kakitangan kerajaan Negeri Terengganu tidak perlu gusar dan akan mendapat pembayaran gaji mereka, yang terjamin.

Pada ketika-ketika itulah Dewan menjadi riuh rendah dengan teriakan daripada barisan pembangkang.

Dalam kegamatan itu, Speaker Tun Mohamed Zahir Ismail beberapa kali cuba mententeramkan keadaan dengan mengingatkan anggota pembangkang bahawa beliau tidak mahu, terpaksa mengarahkan semua mereka keluar meninggalkan Dewan kerana menggunakan perkataan "bohong" yang tidak seharusnya digunakan dalam Dewan yang mulia itu.

Tun Daim berkata Petronas sebenarnya telah menandatangani perjanjian yang sama dengan semua negeri kecuali bagi Sabah dan Sarawak yang mana perjanjiannya berbeza sedikit.

"Apa yang jelas bagi negeri Terengganu atau mana-mana negeri di Semenanjung Malaysia, mereka tidak berhak mendapat royalti minyak. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh Petronas adalah berbentuk ihsan sahaja seperti yang diputuskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak (bekas perdana menteri)," katanya.

Menteri Kewangan itu mencadangkan kepada mereka yang menentang pembayaran wang ihsan itu supaya membawa kes itu ke mahkamah dan tidak usah menentang dengan slogan-slogan atau kata-kata emosi.

Secara kebetulannya selepas insiden kekecohan, yang hampir tidak terkawal dan penuh emosi di barisan pembangkang itu, Tun Daim menyebutkan dalam pembentangannya bahawa kerajaan peka terhadap keperluan pesakit jiwa

terutamanya dengan meningkatnya kejadian amok.

Katanya, kerajaan akan membina hospital psikiatri di Sungai Petani dan Johor sementara Hospital Bahagia Tanjung Rambutan akan diperbesarkan bagi menyediakan rawatan dan bantuan terhadap mereka yang menghadapi tekanan jiwa.

Pada ketika itu Dewan sekali lagi menjadi kecoh apabila anggota pembangkang membuat bising sedangkan para penyokong kerajaan tidak dapat mengelak daripada tergelak ketawa mendengar Tun Daim menyebutkan perkataan "pesakit mental" pada ketika pembangkang membuat kecoh.

Bagaimanapun rujukan kepada pesakit mental itu bukannya spontan oleh Tun Daim kerana sememangnya ia telah tercatat pada teks ucapan Belanjawan 2001.

Tun Mohamed Zahir dalam usahanya mengembalikan ketenteraman Dewan juga turut mengingatkan pembangkang supaya membawa rasa tidak puas hati mereka itu ke mahkamah, seperti yang disarankan oleh Tun Daim.

-- BERNAMA
MNY MNY RI